

PELUANG KERJAJAYA



Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- Keterampilan yang baik;
- Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- Bakat kepimpinan;
- Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

**SPM/
SPM & SKM
KUMPULAN
PELAKSANA**



**PEMBANTU AKAUNTAN
GRED W19**

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA (SARAWAK)**

Kekosongan : 15

Simpanan : 200

1. Syarat Lantikan

- (i) warganegara Malaysia;
- (ii) berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek **Matematik** dan **Prinsip Perakaunan** pada peringkat peperiksaan tersebut; atau
- (iv) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (vi) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (vii) **SPM** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta **SKM Tahap 3*** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

*Bidang SKM Tahap 3: Perakaunan

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Maklumat Syarat Lantikan

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pembantu-akauntan-gred-w19>

Calon yang berminat dan memenuhi syarat yang ditetapkan hendaklah memohon secara dalam talian melalui Portal Rasmi Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9): <https://spa9.spa.gov.my>. Calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas **tidak perlu mendaftar semula sekiranya permohonan masih dalam tempoh sah laku pada tarikh tutup iklan.** Walau bagaimanapun, calon perlu memastikan pilihan pusat temu duga dikemas kini pada atau sebelum tarikh tutup iklan. Hanya permohonan calon yang **diterima sebelum atau pada tarikh tutup iklan akan diproses.** Tarikh tutup permohonan bagi urusan pengambilan ini adalah sebelum atau pada **18 Disember 2022 (Ahad), jam 11.59 malam.**

MOHONLAH SECARA *ONLINE* DI



<https://spa9.spa.gov.my/>



SPAMalaysia.gov



SPAMalaysia_gov



spa.malaysia



SPAJPM